

**TEKS UCAPAN**

**YB HANNAH YEOH**

**TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PENGGULUNGAN BAGI PERBAHASAN KAJIAN SEPARUH  
PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS  
(KSP RMKe-11)**

**DI DEWAN RAKYAT BAGI  
MESYUARAT KEDUA,  
PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**30 OKTOBER 2018**

**(SELASA)**

# MUKADIMAH

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya ingin mulakan penggulungan ini dengan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam sesi Perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 18 Oktober 2018 yang lalu.
2. Menerusi pembentangan tersebut, YAB Perdana Menteri telah mengemukakan cadangan untuk membangunkan Pelan Hala Tuju Kesejahteraan Kanak-Kanak yang bertujuan meningkatkan penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan, menggalakkan majikan menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan aturan kerja yang lebih fleksibel. Tidak terkecuali, cadangan untuk menyemak semula dasar dan perundangan berkaitan Orang Kurang Upaya (OKU) dan menggalakkan persekitaran penuaan yang aktif bagi warga emas telah memperlihatkan komitmen Kerajaan terhadap isu-isu melibatkan kumpulan sasar di bawah Kementerian ini.

3. Kementerian ini berbangga untuk menyatakan bahawa dokumen tersebut adalah dokumen reformasi yang komprehensif apabila ianya turut menyentuh aset negara paling utama iaitu kanak-kanak, wanita, institusi keluarga, orang kurang upaya dan warga emas.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Sebanyak **31 pertanyaan** yang merangkumi **6 isu utama** telah dibangkitkan oleh **16 Ahli Yang Berhormat** sepanjang sesi perbahasan kali ini. Bagi memudahkan penjelasan kepada persoalan yang dikemukakan, saya berhasrat untuk menjawabnya berdasarkan **ISU-ISU YANG TELAH DIBANGKITKAN** oleh Ahli Yang Berhormat.

# **ISU WANITA**

Tuan Yang di-Pertua,

5. YB Permatang Pauh, YB Rembau, YB Hulu Langat, YB Masjid Tanah telah membangkitkan agar lebih ramai wanita menyertai/mengembali dalam sektor pekerjaan. Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja. Semua majikan sama ada di sektor awam mahupun swasta diseru agar memberikan perhatian serius kepada perkara ini dengan melihatnya sebagai satu isu cabaran ekonomi yang kritikal dan bukan hanya merupakan isu moral dan sosial yang melibatkan wanita semata-mata.
  
6. Sehubungan ini, Kementerian telah menyasarkan pewujudan pusat penjagaan kanak-kanak di semua agensi Kerajaan menjelang 1 Januari tahun depan. Bagi mencapai hasrat tersebut, audit sedang dijalankan untuk memastikan semua agensi Kerajaan mempunyai pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja. Hasil pengauditan TASKA oleh pihak Kementerian melihatkan hanya 2 buah kementerian sahaja yang belum mempunyai TASKA iaitu Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan

Perubahan Iklim. Pihak kementerian berkaitan disarankan untuk menyediakan sekurang-kurangnya sebanyak RM200,000.00 daripada bajet mengurus untuk menubuhkan TASKA di tempat kerja di kementerian masing-masing

7. Selain itu, Kementerian ini yang telah melaksanakan *Flexible Working Arrangements* (FWA) sejak Mac 2015 bagi memastikan pekerja mencapai keseimbangan antara kehidupan dan kerjaya (*Work-Life Balance*). Memandangkan hanya Kementerian ini sahaja yang melaksanakan inisiatif ini, Kementerian menyokong sebarang usaha oleh lain-lain Kementerian dan majikan di sektor swasta untuk memperkenalkan FWA untuk membantu mempertingkatkan produktiviti golongan wanita yang kembali bekerja.
8. Kementerian juga mengambil perhatian akan cadangan YB Rembau supaya insentif cukai bagi wanita yang kembali bekerja selepas cuti bekerja dua tahun atau lebih diperluaskan kepada 24 bulan. Perkara ini boleh dilihat secara bersama dengan Kementerian Sumber Manusia.

9. YB Rembau, Kementerian tidak meletakkan dasar 30% wanita dalam pembuat keputusan sebagai kuota tetapi ia merupakan sasaran minimum yang perlu dicapai dan dilepasi. Objektif dasar ini adalah untuk melepasi 30% dan mencapai kesaksamaan gender iaitu penglibatan sepenuhnya dan secara efektif dalam pembangunan negara.
  
10. Inisiatif bagi meningkatkan peratusan wanita dalam bidang politik adalah satu inisiatif yang harus digalas bersama oleh semua komponen parti-parti politik. Parti-parti Politik perlu terus mengambil perhatian dan melaksanakan strategi terutama ketika proses pencalonan dengan menggalakkan lebih ramai calon wanita yang bertanding dan mengembangkan potensi wanita di peringkat akar umbi untuk digilap menjadi pemimpin masa hadapan. Mandat yang diberikan kepada wanita dalam mewakili suara rakyat yang diwakili tidak kira di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) mahupun Parlimen merupakan satu lembaran baru dalam arena politik di Malaysia.
  
11. YB Petaling Jaya, dalam usaha memastikan suri rumah mempunyai simpanan untuk persaraan dan perlindungan sekiranya berlaku perubahan mengejut dalam rumah tangga,



Kerajaan komited menyediakan beberapa inisiatif antaranya memperkenalkan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Untuk Suri Rumah. Pelaksanaan Skim KWSP Untuk Suri Rumah telah dijenamakan dan dikenali sebagai Caruman Sukarela Insentif Suri atau i-Suri.

12. YB Petaling Jaya dan YB Tebrau, Kementerian telah memperuntukkan Bantuan Khas Perbendaharaan khusus kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi melaksanakan program-program keusahawanan wanita. Sehingga September 2018, sebanyak 18 program telah dilaksanakan oleh NGO dan telah menarik penglibatan seramai 2,265 orang peserta wanita termasuk ibu tunggal.
  
13. Kementerian juga akan bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi membantu memberi peluang kepada golongan wanita termasuk ibu tunggal untuk berniaga atau bekerja. Sehingga Jun 2018, kementerian telah dimaklumkan oleh pihak SKM terdapat sebanyak 27 buah Koperasi Ibu Tunggal di seluruh Malaysia. Data ini akan digunakan untuk tindakan lanjut Kementerian ini bagi merangka program-program bersesuaian.

14. YB Tangga Batu, Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif bagi membantu ibu bapa yang berpendapatan rendah untuk menghantar anak mereka ke TASKA, antaranya:
- a. Perkhidmatan Persekutuan dan Negeri digalakkan menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja untuk kemudahan ibu bapa yang bekerja menghantar anak-anak mereka bagi mendapat pengasuhan yang berkualiti (Sumber: Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil. 6/1989);
  - b. Subsidi yuran pengasuhan TASKA di tempat kerja sektor awam sebanyak RM180.00 sebulan bagi seorang anak kepada pegawai perkhidmatan awam yang pendapatan isi rumah tidak melebihi RM5,000.00 sebulan (Sumber: Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 38 Tahun 2013); dan
  - c. Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Kanak-kanak TASKA swasta yang berdaftar di bawah Akta 308 sebanyak RM250.00 sebulan bagi keluarga yang layak mengikut pendapatan per kapita ibu bapa / penjaga (Sumber: Pembentangan Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015).
15. Subsidi ini diberi mengikut kadar yuran sebenar yang dibayar oleh ibu bapa/penjaga bagi seorang kanak-kanak di TASKA, tetapi tidak melebihi nilai maksimum yang ditetapkan. Kementerian juga dalam

usaha untuk berunding dengan syarikat utiliti bagi membantu meringankan kos operasi TASKA yang dilihat agak tinggi dan membebankan. Hal ini kerana, bil utiliti yang tinggi menjadi faktor wujudnya banyak TASKA yang tidak berdaftar kerana tidak mampu menanggung caj komersial yang dikenakan ke atas mereka.

# **ISU GEJALA SOSIAL**

Tuan Yang di-Pertua,

16. Bagi isu yang dibangkitkan oleh YB Kubang Kerian, YB Tebrau dan YB Rantau Panjang adalah berhubung gejala sosial yang semakin berleluasa, Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) akan meneruskan usaha bagi meningkatkan kesejahteraan institusi keluarga di Malaysia. Usaha ini meliputi program pra dan pengukuhan perkahwinan, program kekeluargaan termasuk menyebar luas ilmu serta kemahiran keibubapaan, perkhidmatan kaunseling serta program advokasi kesihatan reproduktif.
17. YB Sik, saya telah menjelaskan isu pembuangan bayi secara menyeluruh pada Mesyuarat ini, YB boleh merujuk semula penyata rasmi (hansard) Dewan ini bertarikh 22 Oktober 2018, jawapan lisan bagi pertanyaan nombor 9 daripada YB Batu Kawan.
18. YB Batu Kawan, LPPKN telah menjadi Ahli Panel kepada Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum Sekolah Rendah dan Menengah atau KSSR dan KSSM (Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sejak tahun 2008, bagi

subjek Pendidikan Kesihatan. Pengisian subjek di dalam KSSR dan KSSM adalah 75 peratus berkaitan Pendidikan Kesihatan Seksual dan Reproduksi, manakala 25 peratus adalah topik kesihatan yang lain. KSSR telah mula diperkenalkan di sekolah pada tahun 2011. Program sokongan kurikulum (Program PEKERTI@Sekolah) juga dilaksanakan oleh LPPKN sejak tahun 2012 bagi mengukuhkan lagi ilmu dan kemahiran dalam bidang tersebut. Program ini mensasarkan pelajar sekolah tahun 6 dan tingkatan 3. LPPKN turut merancang untuk meluaskan program PEKERTI di sekolah agama tetapi ia tertakluk kepada peruntukan 2019 yang dimohon. LPPKN turut bersedia untuk menyumbang kepakaran dan memberi kerjasama kepada KPM sekiranya kurikulum Pendidikan Kesihatan ingin ditambah baik lagi.

19. YB Batu Kawan, Kerajaan juga tidak pernah menafikan hak remaja perempuan yang hamil untuk meneruskan persekolahan. Walau bagaimanapun pengekalan bersekolah kanak-kanak adalah mengikut kohort umur kanak-kanak tersebut.
20. Bagi remaja yang hamil, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan empat (4) buah Tempat Perlindungan yang dikenali sebagai Taman Seri Puteri (TSP).

Kemasukan remaja ke TSP adalah melalui perintah mahkamah atau di atas permohonan remaja tersebut. Tempoh perlindungan dan pemulihan adalah tidak lebih daripada tiga (3) tahun.

21. Program-program yang dilaksanakan dalam TSP merangkumi pembelajaran akademik, latihan vokasional, kemudahan perubatan dan kesihatan, keselamatan, agama dan moral, bimbingan dan kaunseling, serta sukan dan rekreasi. Sehingga Jun 2018, terdapat 52 orang remaja ditempatkan di TSP seluruh negara, manakala kapasiti keseluruhan adalah sebanyak 430 orang penghuni.
  
22. Dalam masa yang sama, LPPKN akan meneruskan usaha-usaha advokasi untuk membendung remaja daripada terjerumus dalam gejala sosial seperti penubuhan Pusat Remaja KafeTEEN dan Program PEKERTI.

**ISU ORANG  
KURANG UPAYA  
(OKU)**



Tuan Yang di-Pertua,

23. YB Rembau, Insentif potongan cukai sedia ada bagi majikan yang menggaji golongan OKU seperti potongan tambahan / lanjutan, potongan berganda (double deduction) bagi perbelanjaan untuk latihan dan potongan tunggal (single deduction) bagi perbelanjaan penyediaan kelengkapan / kemudahan di tempat kerja adalah memadai buat masa ini. Kementerian akan mengenal pasti beberapa insentif lain kepada majikan yang boleh menarik atau mendorong penggajian OKU di sektor swasta.
  
24. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Oktober 2018 juga telah bersetuju agar Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) mempertimbangkan pelantikan seorang wakil OKU yang juga bekas pegawai tinggi Kerajaan dan seorang ahli akademik sebagai ahli SPA. OKU perlu diberi perhatian khusus agar dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan pekerjaan yang bersesuaian serta memberikan sumbangan yang berterusan kepada negara berdasarkan pengalaman serta kemahiran yang dimiliki.

25. YB Pasir Mas, saya juga telah menjelaskan isu berkaitan autisme secara terperinci pada Mesyuarat ini, YB boleh merujuk semula penyata rasmi (hansard) Dewan ini bertarikh 18 Oktober 2018, jawapan lisan bagi pertanyaan nombor 7 daripada YB Ledang.
  
26. Bagi menjawab isu bantuan Elaun Pelatih PDK, pihak Kementerian menyambut baik cadangan kenaikan bantuan Elaun Pelatih PDK. Walau bagaimanapun beberapa pertimbangan perlu diberi. Bilangan pelatih PDK kini hampir 21,000 orang manakala bilangan murid yang menerima Elaun Murid Khas daripada KPM pula hampir 80,000 orang. Sekiranya kenaikan Elaun Pelatih PDK diluluskan, kenaikan Elaun Murid Khas juga perlu dinaikkan bersama kerana kedua-dua elaun berkenaan diberi untuk tujuan yang hampir sama. Kenaikan bantuan untuk hampir 101,000 orang akan memberi implikasi kewangan yang agak besar. Oleh itu, kedudukan kewangan Kerajaan perlu diambil kira sebelum kenaikan sesuatu bantuan diluluskan.
  
27. YB Tebrau, Kementerian ini melalui JKM dan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) sentiasa menyediakan bantuan kebajikan, perkhidmatan sokongan pekerjaan, latihan kehidupan berdikari, kursus advokasi seperti

DET & DRST. Kemudahan fizikal dan infrastruktur biasanya disediakan oleh agensi teknikal seperti Jabatan Kerja Raya serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina di bawah Majlis Kebangsaan Bagi OKU sentiasa mengemukakan cadangan dan penambahbaikan kepada pihak berkaitan untuk memastikan kemudahan awam yang disediakan sentiasa aksesibel kepada golongan OKU berdasarkan konsep reka bentuk sejagat (*Universal Design*). Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984 di bawah KPKT, Malaysian Standard MS 1184 oleh Jabatan Standard Malaysia, serta Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat (UD) di bawah Jabatan Kerajaan Tempatan merupakan dokumen penting yang digunakan untuk memastikan setiap pembinaan memenuhi piawaian reka bentuk sejagat.

# **ISU BANTUAN / KEBAJIKAN**

Tuan Yang di-Pertua,

28. YB Permatang Pauh, bagi mengelakkan kelewatan bayaran, JKM telah melaksanakan bayaran bantuan melalui bank (Electronic Fund Transfer) ke akaun penerima bantuan melalui kaedah integrasi Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (e-BANTUAN) dan iGFMAS (Government Financial Management Accounting System) Pejabat Perakaunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia semenjak Januari 2018. Ketika ini sejumlah 99.98% pembayaran bantuan diseluruh negara adalah disalurkan melalui akaun bank penerima. Kaedah pembayaran yang dilaksanakan ketika ini adalah merupakan kaedah yang terbaik terutama untuk mengurangkan risiko ketirisan wang Kerajaan serta mengelakkan bayaran dibuat kepada orang yang tidak sepatutnya serta kepada penerima yang telah meninggal dunia.
  
29. Di samping itu, bagi memastikan tidak berlaku bayaran bantuan lewat, JKM telah membangunkan Arahan Operasi Penyediaan Baucar Bantuan Kewangan Persekutuan dan Tatacara Penyediaan Baucar Bayaran Bantuan yang turut mengandungi Jadual Tarikh Penyediaan Arahan Bayaran Bantuan.

30. JKM telah mengenal pasti 66 estate di Negeri Sembilan, ketika ini seramai 431 orang adalah merupakan penerima bantuan bulanan dari JKM. Dari semakan di peringkat JKM Daerah belum ada aduan mengenai bantuan lewat diterima. Setiap bantuan yang diluluskan adalah dalam tempoh satu (1) tahun sahaja. Pemberian bantuan JKM dinilai secara individu dan akan melalui proses kaji semula. Adalah menjadi tanggungjawab penerima bantuan untuk mengemas kini maklumat melalui Borang Kaji Semula (JKM20) dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tempoh bantuan tamat bagi membolehkan bantuan disambung sekiranya masih memenuhi kriteria kelayakan ataupun ditamatkan sekiranya telah tidak layak.
  
31. Jadual tarikh arahan penyediaan bayaran ini adalah untuk keseragaman tindakan pembayaran bantuan di semua 106 Pusat Tanggungjawab (PTJ) Bantuan/Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah seluruh negara. Hasil akhirnya nanti dapat memastikan bahawa bantuan diterima pada setiap 1 hari bulan. Proses bayaran bantuan dipantau secara harian (mulai 20hb setiap bulan sehingga selesai bayaran) oleh Ibu pejabat JKM bagi memastikan jadual ini dipatuhi.

32. Walau bagaimanapun, sekiranya masih terdapat aduan tentang kelewatan bayaran bantuan atau pemotongan bantuan secara tidak adil, mohon dimajukan ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah berhampiran atau melalui Talian Kasih 15999 bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil.
  
33. Kementerian juga bersetuju bahawa pemberian dan penyaluran bantuan kepada golongan miskin dan berkeperluan wajar dilaksanakan tanpa kerengah birokrasi bagi memastikan keperluan rakyat dipenuhi. Namun begitu, proses sebelum pelaksanaan sesuatu projek itu memerlukan JKM mematuhi prosedur dan tatacara kewangan yang masih berkuat kuasa. Projek rintis bayaran bantuan kewangan kebajikan secara cashless masih dalam penelitian JKM dari segi pelaksanaan. Perolehan bagi projek rintis cashless perlu melalui proses tender terbuka dan tidak wajar dilakukan secara rundingan terus.
  
34. Kementerian ini juga telah membuat perbincangan bersama Kementerian Kewangan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk berkongsi pengalaman melaksanakan Program Titipan kasih (*Food Basket*) pada

20 Ogos 2018 bagi mendapatkan pandangan langkah terbaik untuk melaksanakan projek rintis ini.

35. YB Tebrau, JKM menyediakan bantuan kepada golongan OKU termasuk yang berpendapatan rendah dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan keistimewaan melalui insentif seperti pemberian Elaun Pekerja Cacat dengan kadar RM400.00 sebulan bagi yang berpendapatan di bawah RM1,200.00 sebulan. Di samping itu, pemberian insentif berupa Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik dan OKU Terlantar dengan kadar RM350.00 sebulan seorang bagi mengurangkan beban kepada penjaga yang menjaga mereka. JKM juga menyediakan Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja dengan kadar RM250.00 sebulan agar OKU terus tinggal bersama keluarga dan masyarakat.
  
36. YB Tangga Batu, sekiranya terdapat kes anak-anak tidak ke sekolah akibat ibu bapa tidak mampu, Bantuan Kanak-Kanak disediakan oleh JKM dengan kadar minimum RM100.00 sebulan seorang dan maksimum RM450.00 seisi rumah melebihi empat (4) orang kanak-kanak. Bantuan ini diberikan adalah bertujuan membantu memelihara dan memperkukuhkan institusi keluarga



yang terlibat dalam memberi jagaan sempurna kepada kanak-kanak termasuk kasih sayang dan perhatian.

37. YB Batu, Garis Panduan Bantuan Kewangan Persekutuan Tahun 2018 menetapkan salah satu kriteria kelayakan untuk dipertimbangkan bantuan adalah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) pemohon. Pada masa sekarang PGK yang berkuat kuasa adalah PGK tahun 2014 iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah / W.P Labuan, dan Sarawak ialah RM930.00, RM1,170.00 dan RM990.00.

# **ISU AKTA / PERUNDANGAN**

Tuan Yang di-Pertua,

YB Rembau, YB Batu Kawan dan YB Lembah Pantai, Kerajaan melalui Kementerian akan meneruskan usaha penggubalan Rang Undang-Undang Gangguan Seksual seperti berikut:

- a. Perbincangan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Sumber Manusia dan Polis Diraja Malaysia
- b. Kajian menyeluruh mengenai kelompangan dalam perundangan/peraturan sedia ada; dan
- c. Sesi libat urus bersama pemegang taruh ke arah penggubalan satu akta baharu khusus yang merangkumi segala bentuk gangguan seksual.

# **ISU KEKELUARGAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

38. YB Masjid Tanah, melalui Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke-5 (KPKM-5) yang dijalankan oleh LPPKN, punca utama perceraian bagi suami adalah 56.2% tiada persefahaman, isteri curang 11.8% dan campur tangan orang ketiga 10% manakala bagi isteri ialah 38% tiada persefahaman, suami curang 20.5% dan suami tidak bertanggungjawab 15.2%. Untuk persediaan dan pengukuhan perkahwinan pula, bagi pasangan Islam, mereka diwajibkan mengikuti kursus pra perkahwinan anjuran JAKIM manakala bagi pasangan bukan Islam, tiada kursus pra perkahwinan yang wajib dihadiri. Dalam hal ini, Kementerian melalui LPPKN turut menganjurkan program SMARTSTART dengan kerjasama NGO kepada semua pasangan sebagai salah satu usaha persediaan perkahwinan.
39. Di samping itu, LPPKN turut menyediakan perkhidmatan kaunseling keluarga sebagai salah satu langkah untuk membantu pasangan Islam dan bukan Islam menghadapi isu dalam perkahwinan. Pasangan Islam juga boleh mendapatkan perkhidmatan kaunseling dan runding cara sebagai salah satu usaha untuk menangani isu perceraian. Bagi pasangan bukan

Islam pula, mereka boleh mendapatkan perkhidmatan tribunal perkahwinan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk proses perceraian. Walau bagaimanapun, menghadiri program pra perkahwinan dan sesi kaunseling bukan jaminan pasangan tidak bercerai.

40. YB Kuala Kangsar, JPW telah melaksanakan pelbagai bentuk program serta aktiviti antaranya Klinik De'stress, Klinik Guaman, dan Kempen Menangani Keganasan terhadap Wanita (EVAW). Program dan aktiviti ini secara tidak langsung melatih masyarakat menjadi ejen yang berkesan di peringkat komuniti seterusnya menyumbang ke arah kemakmuran dan toleransi pelbagai kaum, agama dan budaya.

# **PENUTUP**

Tuan Yang di-Pertua,

41. Sekali lagi terima kasih kepada keprihatinan semua Ahli YB kerana telah menyatakan kerisauan, pandangan dan cadangan ke atas isu berkaitan dengan kumpulan sasar di bawah Kementerian ini. Kementerian ini menerima segala pandangan, saranan, cadangan dan teguran secara terbuka, dan Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas semua input berkenaan.
  
42. Akhir sekali, saya ingin menyeru kepada semua Ahli YB untuk terus menyokong usaha-usaha Kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi memastikan setiap lapisan masyarakat dan semua rakyat menerima faedah dan terus dilindungi demi kesejahteraan Negara.

Sekian, terima kasih.